



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

TIP Mencari Khusyu' dalam Sembahyang

(Bahagian Pertama)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Khusyu' dalam sembahyang ialah menghadirkan hati kepada Allah di dalam sembahyang.

Ia merupakan hakikat batin yang sebenar-benar bagi suatu sembahyang. Hakikat zahirnya pula ialah perbuatan anggota seperti berdiri, membaca, ruku', sujud dan sebagainya. Keduanya mestilah dilaksanakan dengan sempurna.

Sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*:

الصَّلَاةُ مَنَى مَنَى تَشَهُدٌ فِي كُلِّ رَكْعَتَيْنِ وَتَخَشُّعٌ وَتَضَرُّعٌ
وَتَمَسْكُنٌ.....

(رواه الترمذي)

Maksudnya: “Sembahyang itu dua-dua rakaat, terdapat tasyahhud pada setiap dua rakaat, kekhushyu'an hati, bersungguh-sungguh memohon dan merendah diri serta ketenangan hati.....”

(Hadis riwayat at-Tirmidzi)

Khusyu' dalam sembahyang itu merupakan antara kunci yang penting untuk memberi kesan yang baik secara efektif kepada orang yang mendirikannya. Allah Ta'ala menggelar mereka sebagai orang mukmin yang berjaya.

Allah Ta‘ala berfirman:

﴿ قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾ ﴾

(سورة المؤمنون، آية 1-2)

Tafsirnya: “*Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyu‘ dalam sembahyangnya.*”

(Surah al-Mukminun, ayat 1-2)

Melihat kepada kepentingan khusyu‘ dalam sembahyang itu maka diutarakan di sini sebahagian tip atau panduan yang boleh digunapakai untuk memandu diri kita ke arah perlaksanaan ibadat sembahyang yang khusyu‘.

Untuk mendapatkan khusyu‘ dalam sembahyang hendaklah sentiasa membuat persediaan awal yang rapi dari aspek fizikal dan rohani. Persediaan tersebut sebenarnya bermula di luar sembahyang, sebelum seorang itu mendirikan sembahyang.

Berikut adalah beberapa perkara yang boleh dibuat untuk membantu menimbulkan khusyu‘ dalam sembahyang:

1. Sebelum mendirikan sembahyang pastikan perkara-perkara berikut:

- i) Menjaga makanan dan minuman. Khusyu‘ itu berkaitan dengan kerja hati. Oleh itu, hati perlu dipelihara kesuciannya dengan menjauhkannya daripada benda-benda yang haram atau tidak halal. Oleh itu, pastikan apa yang kita makan dan minum hendaklah bersumber daripada yang halal.

Sabda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam:

()

Maksudnya: *Ketahuiilah! Bahawa di dalam badan ada seketul daging; apabila ia baik baiklah badan seluruhnya dan apabila ia rusak rusaklah sekaliannya. Ketahuiilah! Itulah ya dikatakan hati.*

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

- ii) Mengambil wudhu dengan sempurna supaya air mengenai semua anggota wajib serta mengingat niat. Sebab kesempurnaan sembahyang juga terletak kepada kesempurnaan wudhu'.

Diriwayatkan daripada Abu Rauh al-Kula'ie daripada seorang laki-laki bahawa beliau pernah mendirikan sembahyang Subuh bersama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Baginda *Shallallahu 'alaihi wasallam* dalam sembahyang tersebut membaca surah ar-Ruum. Pada salah satu ayatnya, bacaan Baginda terganggu. Lalu apabila selesai sembahyang Baginda bersabda:

()

Maksudnya: *“Sesungguhnya bacaan kami terganggu disebabkan terdapat beberapa orang di antara kamu yang sembahyang bersama kami tidak menyempurnakan wudhu' mereka. Oleh itu, siapa yang mendirikan sembahyang bersama kami, maka sempurnakanlah wudhu'nya.*

(Hadits riwayat Ahmad dan an-Nasa'ie)

Di samping itu sebahagian kelebihan wudhu' itu dapat menjauhkan seseorang daripada gangguan syaitan. Saidina 'Umar *Radhiallahu 'anhu* berkata:

Maksudnya: *“Sesungguhnya wudhu' yang baik itu mengusir syaitan daripada engkau.”*

iii) Membersihkan diri, termasuk bersugi.

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu* bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

()

Maksudnya: *“Jika tidak mendatangkan kesusahan ke atas umatku atau ke atas manusia nescaya aku menyuruh mereka bersiwak pada setiap kali hendak sembahyang.”*

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Para ulama menegaskan bahawa bersugi itu mempunyai tujuh puluh faedah. Antara faedah dan kelebihanannya ialah:

- Membersihkan dan mengharumkan bau mulut.
- Memutihkan gigi.
- Mendapat keredhaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.
- Membetulkan atau meluruskan tulang belakang.
- Menolong menguatkan gusi.

- Meningkatkan kecerdikan.
 - Menggandakan pahala amal ibadat.
 - Melancarkan kefasihan atau kepetahan pertuturan.
 - Memperkuat hafalan.
 - Mensucikan hati.
 - Menyukakan malaikat.
- iv) Jangan sembahyang dalam keadaan menahan buang air besar atau air kecil.
- v) Jangan sembahyang dalam keadaan lapar.

Sebolehnya selesaikan atau perkemaskan segala urusan keperluan diri termasuk makan dan qadha haji terlebih dahulu. Tujuannya ialah supaya tidak timbul kebimbangan dan ketidakselesaian ketika menunaikan sembahyang.

Sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*:

()

Maksudnya: *Jangan sembahyang ketika makanan (yang hendak dimakannya) sedang tersedia, dan jangan sembahyang dalam keadaan menahan buang air besar dan air kecil.*

(Hadis riwayat Muslim)

- vi) Memakai pakaian yang bersih dan kemas. Jangan memakai pakaian yang kurang selesa, seperti memakai sarung kaki yang sempit, mengikat serban terlalu ketat dan sebagainya.
- vii) Pilih tempat sembahyang yang suasananya tenteram, selesa, tidak bising dan sebagainya.

Termasuk langkah yang boleh dibuat, pastikan tidak terdapat telepon di dalam bilik tersebut. Atau jika membawa bersama telepon bimbit, pastikan ianya dimatikan (*switch off*) sebelum sembahyang.

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* menjelaskan bahawa makruh menunaikan sembahyang di tempat orang lalu lalang, kerana yang demikian itu boleh mengganggu kekhusyukan sembahyang seseorang.

Diriwayatkan daripada Ibnu ‘Umar *Radhiallahu ‘anhuma*:

:

()

Maksudnya: “Bahawa Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* menegah mendirikan sembahyang pada tujuh tempat: Tempat pembuangan sampah, tempat penyembelihan, kubur, tengah-tengah jalan, bilik mandi, tempat unta duduk di keliling air dan di atas Baitullah.”

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

- iix) Pastikan supaya tidak ada objek atau gambar yang boleh mengganggu fikiran atau membimbangkan hati di tempat sujud.

Diriwayatkan daripada Saidatuna ‘Aisyah *Radhiallahu ‘anha* bahawa Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam* pernah mendirikan sembahyang di atas hamparan daripada bulu yang mempunyai objek lukisan, lalu Baginda bersabda:

()

Maksudnya: “*Objek lukisan ini mengganggu aku, bawalah ia kepada Abu Jahm dan bawakan kepadaku hampan tebal yang tidak ada ukiran.*”

(Hadits riwayat Muslim)

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* menjelaskan mengenai riwayat di atas bahwa ianya memberi petunjuk akan galakan supaya menghindarkan atau menjauhkan apa-apa yang dikhuatiri melalaikan hati dari khusyu‘ ketika mendirikan sembahyang.

Tersebut di dalam riwayat bahwa Abdullah bin ‘Umar *Radhiallahu ‘anhuma* tidak pernah meletakkan al-Qur’an atau pedangnya di tempat sembahyangnya, juga tulisan atau surat. Semuanya diletakkan di belakangnya atau di mana saja yang tidak dapat dilihat olehnya.

bersambung